



KETUA PENGARAH KESELAMATAN NEGARA
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
Jabatan Perdana Menteri
Aras G & LG, Blok Barat
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA



Tel : 03-8872 4201
Faks : 03-8888 3001
Portal Rasmi : www.mkn.gov.my
E-mel : kpkn@mkn.gov.my

Ruj Tuan:

Ruj Kami: MKN.10.700-8/151 Jld. 2 (ii)

Tarikh: 14 September 2022

SEMUA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN

SEMUA KETUA JABATAN PERSEKUTUAN

SEMUA YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

SEMUA PIHAK BERKUASA BERKANUN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**HEBAHAN PEKELILING AM BILANGAN 4 TAHUN 2022 : PENGURUSAN DAN
PENGENDALIAN INSIDEN KESELAMATAN SIBER SEKTOR AWAM**

Dengan segala hormatnya, saya menjemput perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 : Pengurusan dan Pengendalian Insiden Keselamatan Siber Sektor Awam telah dikelilingkan pada 1 Ogos 2022. Pekeliling Am ini menjelaskan tatacara pengurusan dan pengendalian insiden keselamatan siber bagi sektor awam seperti berikut :

- (i) Mengenal pasti tahap keutamaan tindakan terhadap insiden keselamatan siber supaya satu pendekatan yang seragam & proaktif dapat dilaksanakan secara berkesan.
- (ii) Menetapkan penubuhan, fungsi, tanggungjawab & struktur Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Siber (*Cyber Security Incident Response Team*, CSIRT) agensi.
- (iii) Menggariskan bidang tugas & tanggungjawab Ketua Jabatan, CSIRT Agensi & Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara (NC4) dalam pengurusan & pengendalian insiden keselamatan siber bagi sektor awam.
- (iv) Menerangkan proses kerja pelaporan insiden & Prosedur Operasi Standard (SOP) pengendalian insiden.

3. Pekeliling Am ini boleh **dimuat turun** di **Portal Rasmi Agensi Keselamatan Siber Negara** di capaian <https://www.nacsa.gov.my>.

4. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Am ini, pekeling/ surat pekeling/ surat arahan berikut adalah dibatalkan :

- (i) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- (ii) Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2006 Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam; dan
- (iii) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 23 Mac 2009 Pengaktifan Fail Log Server Bagi Tujuan Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT di Agensi-Agensi Kerajaan.

5. YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dimohon untuk melaksanakan pengurusan dan pengendalian insiden keselamatan siber berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 yang dimaklumkan seperti di atas serta memanjangkan pemakluman ini kepada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing menerusi semua saluran komunikasi sedia ada.

6. Segala perhatian, kerjasama dan komitmen yang diberi adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJI RODZI BIN MD SAAD)